

Kuasa melarang di bawah kerajaan negeri

HM 1910 123 m/s 17

Putrajaya: Peraturan akuakultur bagi melarang atau mengambil tindakan terhadap individu yang menternak dan melepas-kan ikan asing dalam pérairan air tawar seperti sungai tertakluk di bawah

bidang kuasa kerajaan ne-geri.

Ketua Pengarah Perika-nan, Datuk Adnan Hussain berkata, ketika ini pihaknya menguatkuasakan Peratu-ran-Peraturan Perikanan (Larangan Import, Dsb. Ba-

gi Ikan) 1990 dan (pindaan) 2011 yang dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.

Menurutnya, kebanya-kan ikan asing dibawa masuk ke negara untuk di-jadikan sebagai ikan hiasan seperti ikan raja yang ke-

mudiannya ditempatkan di kolam pancing sebelum ia terlepas ke pérairan umum, selain baung ekor merah yang bersifat invasif tetapi mempunyai nilai ekonomi.

“Bagaimanapun jika

JENIS IKAN ASLI DAN BOLEH DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM



- Kelah
- Jelawat
- Sebarau
- Lampam sungai
- Kerai kunyit
- Tengas



- Ketutu
- Puyu

- Siakap
- Loma
- Tengalan
- Baung


- Temoleh
- Terbul
- Temakang
- Sepat ronggeng



- Udang galah

IKAN ASING YANG DILARANG DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM

- Piranha (*serrasalmus, serrasalmo, pygocnus, catoprian, pygopristis dan pristobrycon*)




- Pacu/bawal merah (*colosomma/piaractus dan myloplus/myleus*)
- Silver dollar (*mylossoma dan myletes*)
- Salmon

- Trout
- Peacock bass



- Red claw
- Northern pike
- Flower horn
- Ikan naga
- Sturgeon
- Ikan buaya
- Silver perch
- Baung ekor merah
- Jade perch
- Kap rumput
- Katla

- Lee koh
- Kap Perak
- Kap kepala besar
- Keli Afrika
- Bandar raya
- Rohu
- Tilapia
- Patin (*chao phraya giant catfish/high fin catfish*)



- Paddlefish (*polyodon spathula, psephurus gladius*)

RISIKO IKAN ASING DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM

1 Mengganggu keseimbangan biodiversiti, habitat dan spesis ikan asli di perairan umum

2 Ikan itu boleh membiak dalam perairan umum, menjadi dominan dan pemangsa kepada ikan asli sedia ada di perairan.

3 Penyumbang kepada bawaan penyakit baru dan punca perebakkan penyakit dalam perairan umum.

Kajian pada 2021 menunjukkan sungai di Lembah Klang sudah ditakluki ikan asing seperti ikan bandar raya dan tilapia

Sungai Pusu 57% ekosistemnya ikan asing

Sungai Langat 50%

Gombak 40%

Sungai Klang 33%

Semenyih 4%

Jabatan Perikanan komited melakukan program pelepasan benih ikan untuk melestarikan sumber ikan itu setiap tahun

2021 6.88 juta benih ikan

2022 9.1 juta

2023 6.51 juta (sehingga kini)

INFOGRAFIK MELAKA

populasinya tidak dikawal dan terlepas ke perairan umum ia akan menjadi dominan dan menjadi salah satu ancaman kepada ekosistem. Buat masa ini kita ambil langkah memastikan ikan ini tidak dibawa masuk tanpa kelulusan Jabatan Perikanan dan permit Jabatan Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

“Kita perlu membuat kajian yang lebih teliti supaya ia tidak menjelaskan aktiviti ekonomi yang sedang

berlangsung tetapi penting untuk pihak berkenaan mengawal ternakan dan tidak terlepas ke perairan umum,” katanya.

Beliau mengulas mengenai pendapat pencinta ikan air tawar yang menyaran kerajaan menggubal peraturan yang lebih spesifik iaitu larangan membela ikan import terutama dalam sangkar di perairan umum utama negara dalam usaha bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku sangkar pecah.